



**KENYATAAN
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENULARAN KENYATAAN TAWARAN TENDER DARIPADA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KESIHATAN MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa **KKM tidak pernah menerbitkan kenyataan tawaran tender** bagi Projek Rangkaian Pembekalan Pelbagai Jenis Produk Dan Kelengkapan Industri Perubatan Di Bawah Program 'Pengurusan Semula, Penambahbaikan & Pinaikkan Taraf Aset Dan Fasiliti Hospital Perubatan' Di Kesemua Hospital-Hospital Di Seluruh Negara Untuk **Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan Malaysia** bertarikh 16 April 2018. KKM juga menafikan penglibatan dalam tawaran tender tersebut.

Dimaklumkan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan Malaysia adalah tidak wujud sama sekali dan syarikat Deloitte Engineering Services merupakan sebuah syarikat *sole proprietorship* yang tiada hubungan dengan KKM.

KKM mengingatkan orang ramai agar tidak tertipu dengan tawaran-tawaran tender berkenaan dan tawaran seumpamanya serta sentiasa merujuk maklumat tepat berkenaan tawaran tender melalui portal rasmi KKM iaitu di www.moh.gov.my dan portal MyPROCUREMENT.

Sekian, terima kasih.

DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN
Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

19 April 2018